

Menyusuri Rapat Hari Kebangsaan di Singapura

Buat julung-julung kali sejak 1966, Rapat Hari Kebangsaan tidak akan diadakan tahun ini, dengan Perdana Menteri Lee Hsien Loong berkata beliau akan memberikan ucapannya di Parlimen selepas penggal baru dibuka pada 24 Ogos. Berita Harian menyusur sejarah negara menerusi beberapa Rapat Hari Kebangsaan (NDR) penting setakat ini.

8 Ogos 1966
NDR pertama



MESEJ yang disampaikan oleh Perdana Menteri Pengasas mendiang Encik Lee Kuan Yew pada rapat penuh sejarah ini adalah optimistik dan memandang ke masa hadapan.

Berdiri di pentas di Panggung Negara (National Theater) Encik Lee berkata bahawa tahun kedua bagi Singapura dijangka lebih mudah berbanding tahun pertama dan masalah yang sama tidak akan berulang. Beliau juga berikrar untuk bekerjasama dengan negara-negara jiran. Encik Lee juga memberikan pesanan kepada orang muda di sini. "Jangan lupakan bahawa aset terhebat kita adalah orang muda kita. Masyarakat kita harus menjadi masyarakat yang tahan lasak. "Lebih 50 peratus penduduk kita berusia bawah 19 tahun. Bagi mereka, kita perlu membina batu asas yang kukuh. Berikan mereka latihan yang terbaik. "Kita harus melengkapkan mereka supaya berjaya dengan apa yang kita telah mulakan, untuk membina masyarakat yang lebih adil, lebih saksama, masyarakat yang memberikan kepada semua kehidupan yang bermakna."

15 Ogos 1971
Siaran langsung pertama di televisyen

SELAMA 95 minit yang bermula pada 7.35 malam, warga Singapura yang mempunyai televisyen terpaku melihat dan mendengar Encik Lee berucap di televisyen. Itu adalah kali pertama beliau berbuat demikian dan Encik Lee hanya membuat keputusan untuk menyampaikan ucapannya secara langsung kurang 30 minit sebelum beliau dijadualkan untuk berucap kepada 3,500 penonton di Panggung Negara.

Sebelum itu, semua NDR yang disampaikan beliau tidak dirakam atau disampaikan sepenuhnya kepada rakyat. Akhirnya, kru Radio Televisyen Singapura (RTS) yang berada di sana untuk merakamkan konsert Hari Kebangsaan diarah untuk merakam dan menyiarkan ucapan Encik Lee. Berucap dalam bahasa Melayu, Mandarin, Inggeris dan Hokkien, Encik Lee menekankan peri penting bagi Singapura untuk berusaha dan merancang bukan sahaja bagi jangka pendek, malah bagi jangka panjang.



11 Ogos 1991
Ucapan pertama Encik Goh Chok Tong



Berucap buat kali pertama di NDR, Encik Goh Chok Tong menyampaikan harapan supaya semua warga Singapura, dari sepelusuk lapisan masyarakat berasa seperti mereka semua anggota sebuah keluarga besar. Menurut Encik Goh, beliau prihatin kerana merasakan perpaduan bak kian larut dalam kalangan rakyat.

Sebaliknya beliau inginkan Singapura di mana kaum Cina, Melayu, India, Serani; yang kaya atau miskin; dan kurang upaya boleh bekerjasama untuk mencapai peringkat kemajuan yang lebih tinggi. Encik Goh juga melahirkan keprihatinan mengenai kos jagaan kesihatan dan menerusi satu kisah peribadi, menekankan peri penting ia kekal dimampai bagi semua rakyat Singapura.

"Pada satu hari, saya dipanggil dari sekolah untuk pergi ke sisi katil bapa saya. Beliau sedang menghadapi batuk kering.

Kata-kata terakhirnya kepada saya adalah: Jaga ibu kamu, jaga adik-beradik kamu, belajar rajin-rajin. Malam itu bapa saya meninggal dunia.

Jadi saya faham erti anggota keluarga yang meninggal dunia terlalu awal. Tapi jika saya boleh bantu, saya akan cuba dan menyelamatkan seseorang daripada meninggal dunia terlalu awal, bagi dirinya sendiri, bagi keluarganya. Justeru, saya akan memastikan setiap warga Singapura mampu mendapatkan jagaan kesihatan yang diperlukan."

22 Ogos 2004
Ucapan pertama Perdana Menteri Encik Lee Hsien Loong



Ini adalah kali pertama Encik Lee Hsien Loong menyampaikan Rapat Hari Kebangsaan.

Namun beliau menunjukkan wawasannya dan keberanian untuk mencapai wawasan itu dengan menggambarkan Singapura yang penuh potensi dan berikrar untuk mengubah dasar bagi mencarta masa depan Singapura.

Ini termasuk mengurangkan bahan pembelajaran di

sekolah-sekolah untuk mengurangkan tekanan terhadap kanak-kanak.

"Kita harus kurang mengajar, supaya anak-anak kita boleh belajar lebih banyak," kata PM Lee. Beliau juga mengumumkan beberapa perubahan utama, dalam rapat yang diadakan di Pusat Budaya Universiti di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Antaranya adalah untuk melanjutkan manfaat perubahan kepada semua tanggungan atau ahli keluarga pegawai perkhidmatan awam dan bukan hanya kepada pegawai lelaki sahaja; hari bekerja lima hari bagi perkhidmatan awam untuk mencerminkan peri penting keseimbangan kerja-hidup dan memasang papan tanda berbilang bahasa di stesen MRT bagi warga Singapura lebih berusia yang tidak boleh membaca bahasa Inggeris.

Beliau juga mengumumkan dasar lebih mesra keluarga dan bagi menggalak warga Singapura mempunyai cahaya mata, seperti menambah cuti bersalin daripada dua kepada tiga bulan.

19 Ogos 2007
Anggota parlimen pembangkang dan anggota parlimen dilantik diundang

Buat kali pertama dalam sejarah 41 tahun, tiga Anggota Parlimen Pembangkang Encik Chiam See Tong (Potong Pasir), Encik Low Thia Khiang (Hougang) dan Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi Cik Sylvia Lim, serta sembilan Anggota Parlimen Dilantik (NMP) diundang menghadiri Rapat Hari Kebangsaan.

NMP Encik Edwin Khew, berkata langkah itu dialu-alukan, kerana ia mencerminkan harapan PM Lee untuk membentuk Singapura yang lebih inklusif.

Dalam ucapannya di Rapat Hari Kebangsaan, PM Lee menumpukan perhatian kepada usaha Singapura menangani isu jurang pendapatan yang kian meluas dan mengumumkan dua peningkatan bagi bahagian utama jaring keselamatan sosial, iaitu perumahan dan Tabung Simpanan Pekerja (CPF).



17 Ogos 2008
Angkara sukan Olimpik di Beijing

Dalam satu langkah yang tidak dijangka, PM Lee mengubah waktu siaran bagi ucapan Rapat Hari Kebangsaan dalam bahasa Inggeris kepada 18 Ogos.

Beliau tetap memberikan ucapannya dalam tiga bahasa di Pusat Budaya Universiti, seperti yang dijadualkan.

Namun hanya siaran ucapan dalam bahasa Melayu dan Mandarin diteruskan mengikut jadual. Menurut kenyataan dari Pejabat Perdana Menteri (PMO), Perdana Menteri telah mengubah waktu siaran untuk membolehkan warga Singapura menonton perlawanan tenis meja itu dan memberi sokongan kepada pasukan Singapura.

Pasukan tenis meja wanita negara tidak menghampakan dan bersaing gigih dengan lawan dari China dan memenangi pingat perak bersejarah.

Di rapat tahun itu, PM Lee menekankan peri penting menggalak warga Singapura melahirkan anak, kali kedua beliau menyentuh isu itu sejak berbuat demikian pada 2004.

PM Lee mengumumkan langkah yang bakal diperkenalkan pemerintah, termasuk tempoh cuti bersalin yang ditambah bagi ibu, lebih banyak ganjaran cukai bagi ibu bapa, lebih banyak subsidi bagi jagaan kanak-kanak, lebih banyak hari cuti bagi ibu bapa untuk menjaga anak dan subsidi tambahan untuk membantu Singapura yang sukar mendapat anak.

Langkah yang diumumkan PM Lee itu bernilai \$700 juta setahun, yang bermakna pemerintah memperuntuk perbelanjaan \$1.6 bilion setahun untuk menggalak warga Singapura berkahwin dan melahirkan anak.



18 Ogos 2013
Institut Pendidikan Teknikal jadi tuan rumah

Rapat berpindah dari Pusat Budaya Universiti ke Institut Pendidikan Teknikal pada tahun ini, dengan PM Lee berkata Singapura berada di titik peralihan penting dalam sejarahnya.

Menurut PM Lee, beliau memilih untuk mengadakan rapat di kampus baru ITE untuk menekankan komitmen jangka panjangnya untuk melabur bagi setiap rakyat Singapura supaya mencapai potensi.

Ia juga bertujuan menandakan perubahan dan NDR itu bukan seperti rapat yang lalu.

Pada tahun itu, PM Lee memberi respons kepada maklum balas yang diberikan oleh hampir 50,000 warga yang disampaikan kepadanya menerusi wadah Perbincangan Singapura Kita.

PM Lee mengumumkan perubahan penting dalam perumahan, jagaan kesihatan dan pendidikan.

Ini termasuk melanjutkan geran perumahan khas kepada pembeli flat HDB empat bilik yang sebelum ini diperuntuk bagi pembeli flat lebih kecil; melanjutkan MediShield kepada semua warga sepanjang hayat mereka, termasuk yang mempunyai masalah kesihatan; dan memperuntuk sekurang-kurangnya 40 tempat di semua sekolah rendah bagi murid yang tidak mempunyai kaitan dengan sekolah.

21 Ogos 2016
PM Lee jatuh sakit semasa memberi ucapan tetapi kembali ke pentas untuk melengkapkannya.



PM Lee terpaksa dipapah keluar dari pentas selepas rasa kurang sedap badan semasa menyampaikan ucapannya.

Namun, beliau kembali ke pentas selepas sekitar sejam untuk melengkapkan ucapan.

PM Lee sempat berseloroh dan berkata beliau tidak pernah dijaga oleh sebegitu ramai doktor sebelum detik itu, dengan beberapa Anggota Parlimen yang juga doktor serta pasukan perubatan memberi bantuan kepadanya.

Rapat tahun ini juga penting kerana ia berlaku selepas Singapura menyambut ulang tahun ke-50 dan PM Lee menggariskan beberapa cabaran jangka pendek dan jangka panjang bagi Singapura.

Namun, PM Lee berkata beliau yakin Singapura akan tetap berjaya, asalkan rakyatnya kekal bersatu, tanpa mengira kaum, bahasa atau agama.